

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(68)

Tarikh : 6 September 2022

KENYATAAN MEDIA

LANDASAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA : SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-100 (1923-2023)

Funikular Bukit Bendera meraikan 100 Tahun Transformasi dengan Pelbagai Aktiviti Menarik

Sistem Funikular Bukit Bendera akan meraikan ulang tahun ke-100 sejak beroperasi pada 21 Oktober 1923. Sambutan Ulang Tahun ke-100 akan memupuk minat baharu berkenaan sejarah funikular Bukit Bendera dan akan menjadi cerminan transformasi Bukit Bendera sepanjang abad yang lalu.

Dalam meraikan pencapaian ini, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang akan menganjurkan siri acara menarik pada tahun 2023 untuk berkongsi dengan orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya penduduk Pulau Pinang mengenai pencapaian dan cabaran 100 tahun lepas, disamping melihat kepada peluang baru pada masa depan.

Funikular Bukit Bendera adalah satu-satunya seumpamanya di Malaysia dan Asia Tenggara. Ia merupakan salah satu landasan terowong yang paling curam di dunia, dan telah membawa lebih 47 juta pengunjung, termasuk pelancong dari dalam dan luar negara, penduduk dan masyarakat tempatan sejak 1924 untuk ke Bukit Bendera. Ia merupakan salah satu cara untuk ke puncak Bukit Bendera dari Stesen Bawah di Jalan Bukit Bendera, Air Itam, selain melalui Jalan Jip atau dengan mendaki. Funikular Bukit Bendera membawa penumpang ke puncak Bukit Bendera dan beberapa sub stesen yang lain.

Dibina lebih satu abad yang lalu, Funikular Bukit Bendera kini menjadi ikonik sejarah bagi Pulau Pinang; di mana idea kereta api pertama dicetuskan oleh tiga penduduk British pada tahun 1897, tetapi rancangan mereka untuk menggunakan enjin wap telah gagal. Walau bagaimanapun, pada tahun 1909, projek Kereta Api Bukit Bendera telah dimulakan semula dan dibina berdasarkan reka bentuk Switzerland oleh Arnold R Johnson, seorang jurutera Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Keretapi Bukit Bendera telah dibuka secara tidak rasmi pada 21 Oktober 1923 untuk operasi percubaan sebelum ia dibuka secara rasmi oleh Gabenor Negeri Selat ketika itu, Sir L.N. Guillemard pada 1 Januari 1924. Ia membawa 35,201 penumpang dan melakukan 4,021 perjalanan pada tahun itu.

Pada tahun 1977, funikular merah generasi kedua dengan kipas dan pintu automatik telah beroperasi menggantikan funikular generasi pertama empat gerabak kayu yang telah berbakti selama lebih 50 tahun kepada masyarakat. Funikular generasi kedua juga telah dihentikan pada 22hb Februari 2010 setelah beroperasi selama 30 tahun akibat kerap mengalami kerosakan. Landasan funikular lama ditutup sementara dan dinaik taraf dengan landasan funikular yang baharu iaitu daripada kereta api dua pertukaran kepada satu sistem tanpa pertukaran sebarang hentian dan digantikan dengan koc funikular generasi ketiga iaitu 'Pinang' dan 'Mutiara', mulai April 2011 sehingga kini.

Sejak dibuka semula, menaiki funikular ke puncak Bukit Bendera menjadi salah satu aktiviti wajib oleh setiap pelancong dan menjadikannya satu pengalaman berharga di Pulau Pinang. Pengunjung dapat menikmati perjalanan funikular di tengah-tengah kehijauan dan melihat pemandangan dan tarikan yang indah di atas bukit. Ia juga telah menerima kunjungan rasmi dari nama-nama besar seperti Ratu Elizabeth II dari England pada tahun 1972, Maharaja dan Permaisuri Jepun, Putera Kemboja dan pembesar-pembesar lain.

Funikular Bukit Bendera telah menjadi mod pengangkutan yang penting untuk penduduk, masyarakat tempatan dan pengunjung sepanjang abad ini. Ia membantu untuk membawa penumpang dan barangan dengan cekap secara tidak langsung digunakan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan meningkatkan mobiliti serta kualiti hidup untuk semua penduduk. Selain itu, funikular menghubungkan manusia dengan alam semula jadi dapat membantu meningkatkan ekonomi bagi pihak berkepentingan tempatan di atas bukit dan kawasan sekitarnya, menjana nilai alam sekitar, ekonomi dan sosial yang mampan.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang hari ini melancarkan peraduan mencipta logo sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 bagi memulakan siri acara rasmi yang akan berterusan menjelang Ulang Tahun ke-100 sistem funikular Bukit Bendera pada 21 Oktober 2023. Peraduan mencipta logo terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dari 6 September sehingga 6 Oktober 2022. Logo Sambutan Ulang Tahun ke-100 haruslah bertemekan visual atau komponen yang kukuh bagi memperingati warisan dan sumbangan Funikular Bukit Bendera yang membawa transformasi sosio-ekonomi Bukit Bendera dan kawasan sekelilingnya. Pemenang akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM500 dan Pas Funikular sah laku selama setahun serta hadiah edisi terhad, manakala 5 hadiah saguhati akan menerima wang tunai berjumlah RM200 dan hadiah istimewa menanti anda.

Sambutan Ulang Tahun ke-100 adalah untuk mempromosikan sejarah, warisan budaya dan biodiversiti yang terdapat di Bukit Bendera, selaras dengan status sebagai Tapak Rizab Biosfera UNESCO yang telah disenaraikan di bawah Program Manusia dan Biosfera UNESCO (MAB) baru-baru ini. Selain itu, terdapat pelbagai program menarik akan diadakan sepanjang tahun 2023, di mana Sambutan Ulang Tahun ke-100 akan merangkumi pelbagai program pendidikan dan webinar, pameran bergerak dan banyak lagi aktiviti yang melibatkan warisan sejarah dan semula jadi yang tidak ternilai di Bukit Bendera bagi menggalakkan lebih ramai orang menghargai keunikannya. Nantikan acara utama Bukit Bendera seperti *Penang Hill Festival*, *Penang Hill Heritage Forest Challenge* dan *Trash Free Hill* yang akan berlangsung pada tahun hadapan serta menjanjikan pengalaman yang lebih berharga.

Jangan ketinggalan untuk mendapatkan salinan buku peringatan *Penang Hill Railway* dan barangan edisi khas pada tahun hadapan. Butiran tambahan mengenai aktiviti sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 dan akan dimaklumkan pada masa akan datang. Nantikan sebarang maklumat terkini di media sosial dan laman web rasmi Bukit Bendera.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my